



**KEMENTERIAN KEWANGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**SIARAN MEDIA
PERINTAH AKTA SYARIKAT (PINDAAN), 2015**

Kementerian Kewangan dengan ini sukacita memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi pindaan kepada Akta Syarikat (Penggagal 39) yang bertujuan untuk meningkatkan ketelusan maklumat berkaitan '*beneficial ownership*' dan pendedahan maklumat (*disclosure*) yang diperlukan ke atas sesebuah syarikat.

Perintah ini berkuatkuasa mulai 1 Februari 2015 dan mengandungi pindaan-pindaan yang akan meningkatkan lagi perlindungan hak kepentingan bagi pemegang-pemegang saham minoriti di dalam sesebuah syarikat.

Antaralain pindaan ini akan menghendaki bagi pengarah syarikat untuk memberikan maklumat tambahan berkaitan mana-mana peraturan (*arrangements*) yang akan membolehkan pengarah untuk memperolehi manfaat atau imbalan dalam sesebuah syarikat; keperluan bagi syarikat untuk menyimpan daftar butiran-butiran pegangan saham di lain-lain syarikat; serta keperluan bagi pengarah syarikat untuk memberikan notis secara bertulis kepada syarikat mengenai sebarang perubahan dalam butiran pengarah syarikat berkenaan.

Kementerian Kewangan
Negara Brunei Darussalam

Tarikh: 14 Rabiulakhir 1436
4 Februari 2015